



PEJABAT PENDIDIKAN DAERAH TUMPAT,16200,  
TUMPAT, KELANTAN

## PEPERIKSAAN PERTENGAHAN TAHUN 2016 2215

TINGKATAN LIMA

KESUSASTERAAN MELAYU

Mei

2 1/2 jam

Dua jam tiga puluh minit

---

### JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas soalan ini mengandungi dua bahagian : Bahagian Satu dan Bahagian Dua.*
  2. *Jawab semua soalan Bahagian Satu.*
  3. *Jawab tiga soalan Bahagian Dua, iaitu satu soalan daripada tiap-tiap Bahagian A, Bahagian B dan Bahagian C.*
  4. *Jawpan anda hendaklah ditulis dalam buku jawapan yang disediakan. Sekiranya buku jawapan tidak mencukupi, sila dapatkan helaian tambahan daripada pengawas peperiksaan.*
- 

*Kertas soalan ini mengandungi 9 halaman bercetak*

**LIHAT HALAMAN SEBELAH**

Bahagian Satu

[ 40 markah ]

*Jawab semua soalan.*

1

Tersebut pula suatu perkataan  
Raja Malabari empunya kerajaan,  
Sehari-hari bersuka-sukaan,  
Rakyatnya banyak tiada terkian.

Bangsanya Ajam baginda itu,  
Kerajaan besar bukan suatu,  
Takluk banyak sudah tertentu,  
Menghantar ufti sekalian ke situ.

Dipetik daripada *Nilai Insan*

Nyatakan **dua** ciri puisi yang terdapat dalam petikan di atas . [ 4 markah ]

2

Apabila dikuak oleh Raden Menteri bunga cempaka dan bunga angšana yang ada ada di dalam rakit itu, alangkah terperanjatnya semua yang berada di situ. Suasana yang tadinya gegak gempita dengan gelak ketawa sekarang bertukar menjadi sunyi senyap dan muram. Rupanya di dalam rakit itu ialah jenazah Ken Tambohan serta dua orang inang pengasuhnya, Ken Tadahan dan Ken Penglipur. Maka Raden Menteri pun pucat warna mukanya dan berdebar dadanya. Diangkatnya jenazah Ken Tambohan itu dan dipeluk serta diciumnya di atas pangkuannya sambal menangis bagaikan tiada sedarkan diri lagi.

Dipetik daripada *Sastera Panji*

Nyatakan **satu** teknik plot serta contoh seperti yang terdapat dalam petikan prosa di atas. [ 4 markah ]

3

Maka sebermula Jepun yang lepas dua orang itu lalu mudik ke hulu Siam, lalu ke Kemboja. Setelah sampai maka ia memberitahu segala tempat di Kemboja itu, segala hal ehwalnya di berinya tahu. Maka segala Jepun yang di Kemboja itu pun terlalau amarah lalu berengkap mengadang Laksamana itu. Setelah lengkap maka jepun itu pun hilirlah lalu ke Benua Siam. Maka kata panglima Jepun itu, “ Di sinilah baik kita mengadang Laksamana itu.” Maka lalu ia duduk di kuala itu.

Dipetik daripada *Sastera Epik*

Nyatakan **empat** latar tempat yang terdapat dalam petikan prosa di atas. [ 4 markah ]

4

Rasa sendu  
terkilan  
kecewa  
dan duka  
semuanya terjaring  
dalam relung hati  
membiaskan lahar kesyahduan dan kesunyian  
lalu terpancar pada arca wajah.

Dipetik daripada sajak Sepi Sawal Tanpa Bonda oleh Amylia Hussain

Berdasarkan petikan sajak di atas, berikan **dua** perasaan penyajak. [ 4 markah ]

5

**ZAKI** : Ya, dia perlukan banyak waktu. Kuharap dia akan tahu juga terhadap nilai kasih sayangku, doktor. Walaupun Anna pergi, ibuku mesti melihat dunia kembali. Dan pada engkaulah, doktor kuharap akan memberikan ibuku cahaya hidupnya kembali. Ibuku mesti melihat. Biar dia melihat Tina, cucunya. Dan melihat aku, anaknya kembali.

DR. CHAN ( *dengan tenang* ) : Ya, Zaki. Aku akan cuba sedaya upayaku. Doakan saja. Semuanya dalam kuasa Tuhan belaka. Kuharap engkau akan bahagia bukan saja dengan ibumu, dengan Tina tetapi juga dengan Anna

Dipetik daripada drama Anna Oleh Kemala

Berdasarkan petikan di atas, nyatakan **dua** nilai murni serta contoh. [ 4 markah ]

6

ANNA : Memang. Engkau lebihkan ibumu daripada aku sendiri. Selama empat tahunaku hidup seperti dalam penjara. Engkau menjadi anak yang amat setia kepada ibumu. Ah dasar orang Timur, orang Melayu.

Zaki (berhadap-hadapan dengan ANNA) : Anna ! Kaulihat sajalah keadaan ibuku. Dia menderita Anna. Selama laka tahun aku di tanah Inggeris, dialah yang Menyara belanja universitiku. Dia berjuang sehabis tenaganya, berkorban apa yang ada padanya, hingga tanah-tanah kami tergadai dan ....

Dipetik daripada ANNA oleh Kamala

Berdasarkan petikan di atas berikan **dua** pengajaran [ 4 markah ]

7

Lin, beginilah keadaan kami saban hari sekarang. Aku percaya laut sudah menjadi kawah kumuh segala kerakusan manusia dan kami mangsa-mangsa yang di paksa menelan kotoran itu. Ini tidak adil, Lin. Kami bukan lalat atau lipas, kami bunga karang laut yang tidak bisa menelan daki dunia darat

Dipetik daripada cerpen *Kami Akan Mati Lin*  
Oleh Saroja Theavy Balakrishnan

Nyatakan **dua** perbuatan manusia rakus yang telah memusnahkan karang laut seperti yang digarap dalam petikan di atas. [ 4 markah ]

8

Malam itu, aku kira malam keramat apabila Along dan Achik yang bertahun-tahun tidak bertegur sapa menampakkan tanda akan berdamai. Air dicincang tidak akan putus dan biduk berlalu kiambang pasti bertaut. Entah, aku tidak tahu punca persengketaan mereka. Kata abah. Hal orang lelaki. Malam itu malam kenangan yang akan aku ingat sampai bila-bila.

Dipetik daripada cerpen *Gulai Semilang Untuk Abah*  
Oleh Fauziah Mohd Ismail

Berikan **dua** gaya bahasa yang terdapat dalam petikan cerpen di atas serta contoh. [ 4 markah ]

9

Mereka tertanya-tanya dalam hati, mungkinkah gurunkidal ini telah melakukan ritual memotong jari sendiri tanda keluar dari sebuah kumpulan haram, seperti adat yakuza di Jepun? Aatau dia telah melakukan eksperimen untuk siswa-siswinya?

( Dipetik daripada *Naratif Ogonshoto*  
Oleh Anwar Ridhwan )

Berdasarkan petikan novel di atas, berikan **satu** teknik plot berserta contoh. [ 4 markah ]

10

Biarlah air yang mengewap ini seperti juga kemarau, mencabarnya. Dia akan menyambut cabaran-cabaran itu demi air. Biarlah berulang-alik seribu kali ke pantai mengambil air laut. Biarlah dia menunggu di tepi unggun dapur seribu jam lagi. Tujuh tong air ini mesti penuh juga akhirnya.

Dipetik daripada *Naratif Ogonshoto*  
Oleh Anwar Ridhwan

Nyatakan **dua** perwatakan 'dia' seperti yang terdapat dalam petikan karya di atas.

[ 4 markah ]

## **Bahagian Dua**

[ 60 *markah* ]

### **Bahagian A**

( **Puisi Tradisional dan Prosa Klasik** )

Jawab sama ada **Soalan 1** atau **soalan 2**.

- 1 Baca puisi di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

#### **SYAIR SERATUS SITI**

Tersebut pula suatu perkataan,  
Raja Malabari empunya kerajaan,  
Sehari-hari bersuka-sukaan,  
Rakyatnya banyak tiada terkian.

Bangsanya Ajam baginda itu,  
Kerajaan besar bukan suatu,  
Takluk banyak sudah tertentu  
Menghantar ufti sekalian ke situ.

Ada kepada suatu hari,  
Baginda semayam di balai seri,  
Dihadap sekalian hulubalang menteri  
Ramainya tidak lagi terperi.

Banyaknya tidak menderita,  
Berlimpah sampai ke tepi kota,  
Bahana gemuruh gegak gempita,  
Menghadap baginda di atas takhta.

Lasykarnya banyak beribu laksa,  
Penuh sesak segenap desa,  
Negerinya makmur sangat sentosa,  
Sehari-hari suka termasa.

Baginda melihat kebesarannya,  
Sangatlah takbur pada rasanya,  
Lalu bertitah kepada menterinya,  
Aku nan siapa tara bandingnya.

Adakah raja terlebih kaya,  
Daripada aku terlebih mulia,  
Akulah raja di dalam dunia,  
Terlebih daripada aku manakah dia.

Baiklah segera kamu berkata,  
Kepada aku supaya nyata,  
Aku nan hendak mendengar warta,  
Adakah raja bermahkota.

Berdatang seorang pahlawan,  
Kaya tuanku tiada berlawan,  
Serta adil dengan limpahan,  
Rakyat tentera berkoyan-koyan.

- ( a ) Huraikan ciri atau bentuk puisi di atas. [ 8 markah ]
- ( b ) Jelaskan pengajaran yang terdapat dalam petikan puisi di atas. [ 4 markah ]
- ( b ) Ciptakan dua rangkap syair bertemakan tentang tanggungjawab terhadap negara. [ 8 markah ]

2. Berdasarkan Sastera Panji di dalam teks Nilai Insan:

- (a) Huraikan **dua** ciri Sastera Panji beserta contoh. [4 markah ]
- (b) Jelaskan empat perwatakan Raden Puspa Kencana. [8 markah ]
- (c) Berikan empat pengajaran yang terdapat dalam hikayat tersebut. [6 markah ]

## **Bahagian B**

### **( Puisi Moden dan Drama )**

Jawab sama ada **Soalan 3** atau **Soalan 4** .

3 Baca sajak di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya,

### **AKU HANYA MAHU KE SEBERANG**

Kupahat cengal menjadi perahu  
dayungnya teras tembusu  
layar bertingkat kapas gulung  
tiangnya tegap kayu nibung.  
Panjinya kain suluk atma  
bekas tangan tenunan kekasih di kamar waja.

Esok, perahu akan ke air, mengharung samudera,  
meninggalkan pantai  
melawan ombak badai.

Perahuku kecil, lautnya ganas.

Tenanglah laut, kuala dan muara.  
Ombak jangan menggila melanda.  
Tiuplah bayu pada layarku laju.  
Dayung jangan patah.  
Layar jangan rekah.  
Tiang jangan rebah.

Tuhan,  
Aku hanya mahu ke seberang.

**HASHIM YAACOB**

- ( a ) Jelaskan gaya bahasa yang terdapat dalam sajak di atas. [ 8 markah ]
- ( b ) Huraikan **dua** persoalan yang terdapat dalam sajak tersebut. [ 4 markah ]
- ( c ) *Cipta sebuah sajak yang bertemakan **kegigihan dalam hidup**. Panjangnya sajak tersebut antara **dua belas hingga lima belas baris**.*  
[ 8 markah ]

4. Berdasarkan drama *Anna* karya Kemala dalam antologi Kubentang Sehelai Peta:

- (a) Nyatakan pemikiran dalam drama ini. [4 markah]
- (b) Huraikan **empat** latar masyarakat yang terdapat dalam drama. [8 markah]
- (c) Jelaskan **empat** nilai murni yang terdapat dalam drama. [8 markah]

### **Bahagian C**

#### **( Cerpen dan Novel )**

Jawab sama ada **Soalan 5** atau **Soalan 6**.

5 Berdasarkan cerpen *Bukit Emas* karya Mufidah Hanum Yusuf ;

- ( a ) Berikan **lima** latar masyarakat yang terdapat dalam cerpen. [ 10 markah ]
- ( b ) Berikan **lima** pengajaran yang terdapat dalam cerpen tersebut. [ 10 markah ]



6. Berdasarkan novel *Naratif Ogonshoto* karya Anuwar Ridzwan :

(a) Huraikan lima persoalan dalam novel. [10 markah]

(b) Jelaskan lima perwatakan Jeneral sebagaimana yang terdapat dalam bab 2. [10 markah ]

**KERTAS SOALAN TAMAT**